



**MINIT MESYUARAT KALI KE-72 MAJLIS BERSAMA JABATAN
RABU, 13 SEPTEMBER 2023, JAM 3.00 PETANG
WEBEX LIVE**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBhg. Profesor Datin Dr. Azlina Binti Harun @ Kamaruddin
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman
Pengarah Hospital
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBrs. Profesor Dr. Shahrarum Bin Shamsuddin
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Encik Rafizal Bin Abd Rahim
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar (Presiden)
Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar
Cik Nur Mariyam Binti Musa
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil
Dr. Ngo Sheau Shi
Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim (Presiden)
Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin
Encik Norhiman Bin Ahmad
Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan

Encik Mohd Shukur Bin Abidin
Puan Hasnah Binti Hassan
Encik Nik Fakrudin Bin Nik Ali

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

YBrs. Profesor Dr. Salasiah Che Lah
Dekan
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan

Profesor Madya Dr. Nik Rosmawati Binti Nik Husain
Pensyarah Perubatan
Pusat Pengajian Sains Perubatan
Kampus Kesihatan

Dr. Norzaliyati Binti Hussin
Pegawai Perubatan
Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan Dan Pergigian)

Dr. Citartan A/L Marimuthu
Pensyarah Universiti
Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju

Dr. Zarul Hazrin Bin Hashim
Pensyarah Universiti
Pusat Pengajian Sains Kajihayat

Tidak Hadir : YBhg. Dato' Dr. Musa bin Hj. Ali
Pendaftar

MINIT 1 Ucapan Aluan Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan aluan kehadiran dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian. Memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa mesyuarat MBJ Kali Ke-72 ini merupakan mesyuarat MBJ kedua bagi tahun 2023. Mesyuarat terakhir MBJ dijadualkan akan diadakan pada awal Disember 2023.

YBhg. Dato' Pengerusi turut memohon ahli mesyuarat agar sesi perbincangan mesyuarat berfokus kepada agenda bercatatan sepertimana yang telah diedarkan kepada ahli.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat kali ke – 71 Majlis Bersama Jabatan pada hari Selasa, 4 April 2023, jam 3.00 petang.

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

MINIT 3

Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 71

Minit 5.1.3 : Isu Berkaitan Proses & Kriteria Kenaikan Pangkat Pelbagai Skim

I. Ketiadaan Proses Rayuan di dalam Flow Chart kenaikan pangkat

Majlis mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Pemilihan telah mensyorkan usul ini di Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti (LGU) ke - 150 bertarikh 30 April 2023 dan LGU telah memutuskan untuk mengekalkan keputusan LGU ke-141 iaitu tiada rayuan kenaikan pangkat dan LGU tidak bersetuju mewujudkan Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat. Walau bagaimanapun, LGU bersetuju untuk pihak Universiti memaklumkan peringkat mana seseorang calon itu tidak melepasi tapisan atau kriteria kenaikan pangkat di dalam surat pemakluman kepada calon.

Sekiranya calon jawatan Profesor yang tidak berjaya ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan keputusan kenaikan pangkat, calon berkenaan boleh berbincang dengan Dekan Pusat Pengajian atau Naib Canselor manakala bagi jawatan Profesor Madya calon berkenaan boleh berjumpa dengan Dekan atau Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa. Dalam hal ini, Dekan perlu dimaklumkan butiran lengkap berkaitan keputusan kemajuan kerjaya sebelum keputusan kenaikan pangkat dimaklumkan kepada calon-calon.

Majlis turut bersetuju agar surat pemakluman keputusan kemajuan kerjaya ditambahbaik dengan memasukkan pernyataan kepada calon boleh mengemukakan pertanyaan kepada Ketua Jabatan terlebih dahulu seterusnya Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa atau Naib Canselor sekiranya memerlukan maklumbalas lanjut.

[Tindakan : Untuk makluman]

II. Laluan Kemajuan Kerjaya Skim Perkhidmatan di USM

Majlis mengambil maklum Profesor Dr. Abdul Razak Bin Sulaiman, Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan telah mengemukakan cadangan penambahbaikan berkaitan kriteria kenaikan pangkat Pensyarah Perubatan (Bukan Klinikal) kepada YBhg Dato' Timbalan Naib Canselor [Akademik & Antarabangsa].

Perkara ini turut dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dan kertas cadangan berkaitan akan diperincikan di dalam bengkel penyelarasan kriteria pengesahan jawatan dan kriteria kenaikan pangkat yang akan diadakan oleh pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM).

Bengkel berkenaan akan melibatkan wakil daripada PKAPUSM, Dekan-Dekan Kluster dan Ketua-Ketua Trek.

[Tindakan : Untuk makluman]

Minit 5.1.6 : Perancangan Universiti berkaitan Guru Bahasa yang memiliki Ijazah Kedoktoran di bawah skim ASHES

Majlis mengambil maklum Mesyuarat Exco PPBLT Bil 3/2023 yang telah diadakan pada 28 Ogos 2023 berpendapat Guru Bahasa yang memiliki Ijazah PhD tidak boleh diserap secara automatik di bawah Program Akademik PPBLT. Guru Bahasa dengan Ijazah PhD yang berminat untuk menjadi pensyarah boleh memohon untuk dipertimbangkan melalui prosedur yang sedia ada iaitu menghantar borang

permohonan, ditemuduga oleh Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia PPBLT dan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Universiti untuk kelulusan.

Majlis turut mengambil perhatian permohonan oleh Guru Bahasa adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan pensyarah dan bidang yang diperlukan. Sekiranya Guru Bahasa berkenaan menerima tawaran jawatan sebagai pensyarah, guru tersebut akan ditawarkan jawatan secara **Tetap** melalui pelantikan baharu dan perlu memenuhi KPI seorang pensyarah serta memenuhi syarat pengesahan ke jawatan tetap.

Majlis turut bersetuju agar ekseseis kenaikan pangkat Guru Bahasa dilaksanakan setiap tahun berbanding dua (2) tahun sekali pada masakini.

Majlis turut mengambil maklum penerangan Dekan PPBLT berkaitan halatuju berkaitan Guru Bahasa di bawah Skim ASHES dan setelah berbincang dengan mengambilkira beberapa maklumbalas yang dibangkitkan, Majlis bersetuju dengan cadangan Bahagian Sumber Manusia (BSM) untuk mengadakan satu sesi mesyuarat khas bagi merungkai isu ini bersama pihak pengurusan Pusat Pengajian dan pihak terlibat.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

Minit 6.2 : Pelantikan Setiausaha Bersama tambahan dari PKAPUSM

Majlis mengambil maklum pihak PKAPUSM yang diwakili oleh Cik Nur Mariyam binti Musa, Setiausaha Kehormat dan Encik Nor Amin bin Ahmad, Setiausaha Agung mewakili KKAUSM telah mengadakan sesi perbincangan pada 4 September 2023.

Majlis turut mengambil maklum ketetapan yang telah dicapai dalam sesi tersebut seperti yang berikut;

(I) Pihak KKAUSM akan meneruskan khidmat sebagai Setiausaha Bersama MBJ sehingga tahun berakhir 2023.

(II) Pihak PKAPUSM akan mula menjadi Setiausaha Bersama MBJ pada tahun 2024.

(III) KKAUSM akan menjadi Setiausaha Bersama bagi tahun ganjil dan PKAPUSM pula pada tahun genap.

(IV) Bersetuju secara bersama memastikan setiap agenda yang dibawa ke MBJ mempunyai merit untuk dibentang dan dibincangkan. Setiap pihak perlu memastikan agar tiada agenda yang digugurkan daripada senarai sekiranya mempunyai merit dan memberi kebaikan kepada warga USM secara keseluruhan.

[Tindakan : Untuk makluman]

MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN

MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA

5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

5.1.1 Penambahbaikan Kriteria Pengesahan Ke Jawatan Tetap Bagi Pensyarah Kontrak

Majlis mengambil maklum berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar pihak universiti menyemak semula, memperhalusi dan menambahbaik syarat pengesahan ke jawatan tetap bagi pensyarah lantikan kontrak bagi memastikan syarat berkenaan lebih realistik, bersifat adil dan mampu dipenuhi.

Majlis turut mengambil maklum bahawa YBhg. Dato' Naib Canselor telah membawa perkara ini ke Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti Ke-152 pada 27 Ogos 2023 dan LGU telah bersetuju untuk mempertimbangkan atau *unlock* dasar dan proses pengesahan jawatan menggunakan kaedah sepertimana yang digunapakai sebelum ini. LGU turut memohon agar cadangan Kajian Semula Pelantikan Staf Akademik Kontrak Warganegara dibawa terlebih dahulu ke Jawatankuasa Pemilihan dan dibawa semula untuk pertimbangan dalam mesyuarat LGU yang akan datang.

[Tindakan : Untuk makluman]

5.1.2 Cadangan Penambahbaikan Laluan Kemajuan Kerjaya dan Kenaikan Pangkat bagi Pensyarah

Majlis mengambil maklum pandangan pihak PKAPUSM bahawa kriteria baharu kenaikan pangkat yang dibentangkan pada 24 Julai 2023 yang lalu perlu ditambahbaik bagi memberi peluang kenaikan pangkat pensyarah yang telah berkhidmat hampir 20 tahun memandangkan mereka tidak lagi mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk memenuhi kriteria terbaru Kenaikan Pangkat 2023.

Majlis turut mengambil maklum bahawa YBhg. Dato' Naib Canselor juga telah membawa perkara ini ke Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti Ke-152 pada 27 Ogos 2023 dan LGU telah meluluskan penangguhan penggunaan kriteria baharu kemajuan kerjaya staf akademik mulai eksesais tahun 2024.

Untuk eksesais kemajuan kerjaya tahun 2023, adalah dikekalkan penggunaan kriteria sedia ada yang digunapakai sebelum ini. Dalam hal ini, Jawatankuasa Pemilihan telah diminta untuk meneliti semula kriteria baharu yang telah diluluskan sebelum ini.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pemeraksanaan dan pementapan kriteria kenaikan pangkat ini akan dibincangkan di dalam bengkel penyelarasan yang akan diadakan oleh pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM). Bengkel berkenaan akan melibatkan wakil daripada PKAPUSM yang akan dijemput oleh pihak BSM.

[Tindakan : Untuk makluman]

5.1.3 Pengurusan Penyelenggaraan Prasarana Dan Fasiliti Di Semua Kampus Universiti Sains Malaysia

Majlis mengambil maklum saranan pihak PKAPUSM agar pihak Universiti khususnya Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) untuk meningkatkan pemantauan penyelenggaraan berjadual dan penyelenggaraan korektif dijalankan secara berkala bagi memelihara atau memulihkan serta memastikan prasarana seperti bilik kuliah/tutorial, bilik air, kelengkapan perabot dan penghawa dingin serta lain-lain fasiliti di ketiga-tiga kampus berada dalam keadaan yang terbaik.

Majlis turut mengambil perhatian bahawa pihak universiti sentiasa memberi perhatian dalam memastikan fasiliti di kampus sentiasa dalam keadaan yang baik dan kerja-kerja penyelenggaraan atau penyelenggaraan korektif perlu dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan masalah penempatan sesi kuliah tidak berlaku.

[Tindakan : Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF)]

5.1.4 Kriteria Pemilihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Dan Mekanisme Pengumuman Penerima APC

Majlis mengambil maklum bahawa pihak BSM akan mengeluarkan hebahan berkaitan penyerahan markah Laporan Penilaian Prestasi (LPP) kepada semua Ketua Jabatan pada bulan Oktober/November setiap tahun. Perincian hebahan tersebut turut merangkumi informasi lengkap kriteria standard yang digunapakai bagi pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Dari segi kelayakan, terdapat 3 syarat iaitu:

- i. Staf yang dilantik hendaklah staf tetap atau kontrak berwaran.
- ii. Sekurang- kurangnya 1 tahun berkhidmat dalam tahun yang dinilai
- iii. Telah disahkan dalam jawatan.

Manakala dari segi asas pemilihan turut mempunyai 3 asas iaitu;

- i. Pemilihan berpandukan markah LPP yang diperolehi dalam tahun dinilai dan markah perlu mencapai minima 90 peratus dan ke atas.
- ii. Pemilihan mengambilkira sumbangan staf kepada organisasi, perkhidmatan awam, komuniti, daerah, negeri, negara dan peringkat Antarabangsa.
- iii. Pihak universiti juga menyarankan agar Panel Pembangunan Sumber Manusia PTJ turut mengambilkira faktor persaraan tertakluk memenuhi semua syarat tersebut di atas.

Dari segi hebahan, selepas Panel Pembangunan Sumber Manusia peringkat universiti mengesahkan senarai penerima APC, pihak BSM akan mengemukakan senarai penerima APC, sijil simpanan premium dan sijil APC kepada semua Ketua Jabatan untuk pemakluman serta penyerahan di peringkat dalaman PTJ. PTJ turut boleh mengadakan majlis ringkas untuk penyerahan sijil berkenaan kepada penerima terlibat.

[Tindakan : Untuk makluman]

5.1.5 Status Pelaksanaan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Staf USM

Majlis mengambil maklum bahawa kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh bagi staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) dan Kumpulan Pelaksana bagi melanjutkan pengajian secara sepenuh masa masih dilaksanakan oleh pihak Universiti.

Walau bagaimanapun, pihak Universiti tidak menyediakan peruntukkan kemudahan biasiswa. Staf yang ingin melanjutkan pengajian boleh memohon dan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar Staf Pentadbiran berdasarkan kepada bidang dan perancangan PTJ berkaitan bidang pengajian yang diikuti, prestasi perkhidmatan serta kemampuan PTJ untuk menyerap bidang tugas calon sekiranya calon diluluskan mengikuti cuti belajar.

Manakala bagi kursus Posbasik, pelaksanaan dijalankan secara kaedah penggiliran atau *rotation basis* dan mengikut bidang. Kursus ini adalah wajib diikuti oleh pensyarah bidang kejururawatan dan Jururawat di PPSK.

[Tindakan : Untuk makluman]

5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Pembayaran secara ansuran bulanan melalui potongan gaji bagi staf yang menggunakan perkhidmatan Laser Refraktif HUSM

Majlis mengambil perhatian saranan pihak KKAUSM agar pihak Universiti mempertimbangkan pembayaran ansuran secara potongan gaji selama 60 bulan **dan** pemberian diskaun 20 peratus bagi pembayaran penuh secara lumpsum bagi meringankan beban staf untuk mendapatkan perkhidmatan Laser Refraktif.

Majlis juga mengambil maklum bahawa pihak Jawatankuasa Pengurusan Hospital telah menyediakan skim diskaun melalui dua kaedah seperti berikut;

- (I) Diskaun sejumlah 15 peratus untuk pelajar dan staf yang mendapatkan perkhidmatan Laser Refraktif.
- (II) Bayaran pendahuluan sejumlah 15 peratus dan baki bayaran dibuat secara ansuran selama 3 bulan melalui potongan gaji.

Susulan daripada dua cadangan yang telah dikemukakan, pihak HUSM akan mengusulkan cadangan berkenaan ke Jawatankuasa Pengurusan Hospital untuk pertimbangan dan kelulusan.

[Tindakan : Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)]

5.2.2 Insurans Kelompok Kepada Kumpulan Skim Perjawatan Pemandu Kenderaan

Majlis mengambil maklum permohonan pihak KKAUSM agar pihak Universiti memperkenalkan dan menyediakan Insurans Kelompok kepada

staf Pemandu Kenderaan Universiti.

Setelah berbincang dengan mengambil kira pelbagai pandangan seperti penambahbaikan skop perlindungan Insurans yang lebih inklusif untuk semua kategori staf, perluasan skop *Personal Accident Insurance* sedia ada dan penilaian staf berisiko tinggi, Majlis bersetuju agar pihak KKAUSM dan pihak Jabatan Bendahari menyediakan satu kertas cadangan yang inklusif bagi menambahbaik perlindungan insurans kepada semua staf.

[Tindakan : Jabatan Bendahari dan KKAUSM]

5.2.3 Pemeriksaan Kesihatan Kumpulan Pemandu Kenderaan USM

Majlis mengambil maklum proses pembaharuan Lesen Vokasional/memandu perlu mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti penyerahan Borang Permohonan Lesen Vokasional (JPJ L8), gambar berlatarbelakang warna putih dan resit dari klinik yang membuat pemeriksaan kesihatan. Kegagalan mematuhi mana-mana SOP yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan akan ditolak oleh pihak JPJ.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pada tahun 2016, pihak JPJ cawangan Batu Uban tidak menerima laporan kesihatan yang telah dikemukakan oleh Pusat Sejahtera USM.

Setelah berbincang, Majlis bersetuju agar pihak Pusat Sejahtera mengadakan perbincangan dan perundingan dengan pihak Ibu Pejabat JPJ di Putrajaya bagi mendapatkan pentauliahian kepada Pusat Sejahtera, IPPT dan HUSM bagi melaksanakan pemeriksaan kesihatan berkenaan.

Dalam hal berkaitan, Majlis turut bersetuju agar tuntutan bayaran pemeriksaan kesihatan ini yang dikenakan boleh dikemukakan kepada PTJ staf berkenaan.

[Tindakan : Pusat Sejahtera]

5.2.4 Cadangan Pelantikan Klinik Panel USM Di Kawasan Padang Serai, Kedah Darul Aman

Majlis mengambil maklum bahawa cadangan berkaitan pelantikan Klinik Panel di Negeri Perlis, Ipoh Perak, Kuala Lumpur dan di kawasan Padang Serai, Kedah Darul Aman telah dibawa ke dalam Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi Tender Perkhidmatan Klinik Panel USM dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

Perkhidmatan klinik-klinik Panel baharu berkenaan dijangka boleh digunakan oleh staf pada awal Januari 2024 tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Perolehan Universiti.


[Tindakan: Untuk makluman]

MINIT 6 : Hal-Hal Lain

MINIT 7 : Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.40 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



ENCIK MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN
Setiausaha Bersama MBJ



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama MBJ USM
(Wakil Pekerja)